



# FABD Moving Forward

ONE NATION : ONE VISION : ONE DIRECTION

Vol. 1 No. 2, Februari 2024



## Selamat 40<sup>th</sup> Hari Kebangsaan



PHOTO CREDIT: XINHUA.COM



PHOTO CREDIT: THE SCOOP

### TITAH PERUTUSAN

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-1 PADA 23 FEBRUARI 1984 DI ISTANA NURUL IMAN**

*Sejak mengambil alih semula tanggungjawab sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, Brunei Darussalam juga amat bertuah dalam beberapa keadaan. Lanya mempunyai peraturan politik yang mantap termasuk perkhidmatan awam yang kukuh, infrastruktur yang baik, kemudahan-kemudahan serta kedudukan sosial yang agak tinggi termasuk bilangan yang besar penduduk berpelajaran serta salah sebuah negara yang paling tinggi taraf hidupnya di Asia*

TITAH DIPETIK DARI: JAPEM.GOV.BN KOLEKSI HK

### KENANGAN

### GEMILANG 40 TAHUN

*Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien memimpin melaungkan seruan 'ALLAHU AKBAR' sebanyak tiga kali sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan pada malam Pemasyhuran Kemerdekaan penuh Negera Brunei Darussalam pada tengah malam, 1 Januari 1984 di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddin, di Ibu Negara.*

SUMBER: BUKU SEMARAK HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





## DYTM DAN YTAM BERKENAN BERANGKAT SAKSIKAN PERLAWANAN BYL U-20 2023/2024

**Duli** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan bola sepak Liga Belia Bawah 20 Tahun anjuran Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) 2023/2024 antara pasukan DPMM FC B-20 menentang pasukan Wijaya FC yang telah berlangsung di Padang FABD, Berakas, pada 18 Februari 2024.



SUMBER GAMBAR: JABATAN PENERANGAN

Pada perlawanan tersebut, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut membantu kejayaan pasukan DPMM FC B-20 memperolehi kemenangan selesa dengan jaringan 4-0 ke atas pasukan Wijaya FC.

Dengan dengan kemenangan itu, pasukan DPMM FC telah berjaya mara ke peringkat suku akhir yang dijadualkan berlangsung pada 1 Mac 2024.

Turut berangkat ialah anakanda-anakanda, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, YTM Pengiran Muda Muhammad Aiman dan YTM Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



*Lihat M/S 3*



## AKSI MENARIK PERLAWANAN SUKU AKHIR BOLA SEPAK LIGA BELIA BAWAH 20 TAHUN

2 0



SUMBER GAMBAR: JABATAN PENERANGAN



## PERUTUSAN PRESIDEN

**Kepada Rakan-rakan dalam Dunia Bola Sepak Selamat** datang ke isu Februari 2024 (VIN2) **FABD Moving Forward**, yang menjadi platform untuk merapatkan komunikasi di kalangan peminat bola sepak tempatan, serantau dan global.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan kita yang ke-40. Semoga perayaan ini dipenuhi dengan kegembiraan, kemakmuran dan rasa bangga yang mendalam terhadap pencapaian negara kita selama ini.

Seterusnya, pelancaran risalah rasmi - **FABD MOVING FORWARD** menandakan detik penting dalam usaha kolektif kami untuk memartabatkan bola sepak di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah bukti kesungguhan kerja berpasukan dan dedikasi yang kami ada di sini hari ini, bersedia untuk melibatkan diri dengan peminat bola sepak bukan sahaja dalam negara kami tetapi juga di seluruh dunia.

Bola sepak sentiasa lebih daripada sekadar permainan; ia merupakan jambatan yang menghubungkan masyarakat dan negara.

Melalui inisiatif seperti penerbitan risalah rasmi - **FABD MOVING FORWARD** (dilancarkan pada 21 Februari 2024), ia langkah untuk mengukuhkan ikatan persahabatan ini, mengulangi visi murni perpaduan di seluruh dunia yang diperjuangkan oleh organisasi seperti AFF, AFC dan FIFA.

Sambil kita meletakkan pandangan kita pada masa depan, marilah kita ingat bahawa perjalanan kita adalah satu daripada peningkatan berterusan, di dalam dan di luar padang.

Perlantikan Jawatakuasa Eksekutif FABD baru-baru ini telah mengesahkan komitmen kami terhadap ketelusan, kebolehpercayaan, dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi untuk memajukan bola sepak di negara ini.

Tumpuan kami kekal teguh untuk menuju kejayaan bagi masa depan.



Dengan keazaman dan cita-cita, kami telah menetapkan cabaran untuk mencapai lebih banyak lagi pencapaian dalam masa 100 Hari seterusnya, yang akan memuncak pada 31 Mac 2024.

Untuk mengukur kemajuan kami dengan berkesan, saya sangat teruja untuk memperkenalkan FABD PEDOMETER—alat yang akan menjejaki secara grafik perjalanan kami ke arah kejayaan sehingga Disember 2028.

Inisiatif inovatif ini bukan sahaja akan menjadi penanda aras kepada prestasi kami tetapi juga menyediakan pihak berkepentingan dengan pandangan berharga tentang pencapaian kami dalam tempoh empat tahun akan datang.

Kritikan dan maklum balas daripada orang ramai adalah penting dalam kami menjalani perkembangan dalam FABD. Oleh itu, saya menggalakkan pembaca untuk berkongsi pendapat secara terbuka dan kami berusaha mengubah setiap kesukaran untuk membina masa depan bola sepak negara dengan mantap.

Marilah kita bersama-sama meneruskan langkah ke hadapan, didorong oleh semangat, tujuan dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi terhadap kekuatan bola sepak untuk membentuk hari esok yang lebih baik.

Selamat sejahtera,

**Presiden FABD  
Feisal Eusoff**



## SEJENAK BERSAMA

# PENGIRAN JAMILAH BINTI PENGIRAN HAJI ZAININ

AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF  
(EXCO) FABD 2024-2028



### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DALAM EXCO

#### Pengerusi

PERTANDINGAN

#### Timbalan Pengerusi

STATUS UNDANG-UNDANG DAN  
PEMAIN

#### Timbalan Pengerusi

KESELAMATAN DAN INTEGRITI

#### Ahli

BOLA SEPAK WANITA

#### Ahli

BELIA / 'GRASSROOT'

### Mukadimah

**Sebagai** Ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) FABD bagi sesi 2024-2028, saya mengakui ia merupakan satu amanah yang sangat mencabar.

Namun kesungguhan dan komitmen dengan perancangan teratur dan menjalankan setiap peranan dengan penuh tanggungjawab, hasrat bagi membantu mengubah landskap bola sepak Negara Brunei Darussalam khususnya untuk menaik taraf dan membentuk bola sepak Brunei ke suatu tahap yang lebih cemerlang akan berjaya dicapai.

### Memacu FABD ke hadapan

FABD perlu memiliki organisasi dan urustadbir yang teratur dan professional dengan mendapat sokongan dari 'stake holder' serta kerjasama dari banyak pihak untuk sama-sama memainkan peranan penting dalam memacu FABD ke hadapan.

Kita juga perlu mengadakan program-program pembangunan bola sepak tersusun untuk melahirkan pemain terbaik ke arah pencapaian yang cemerlang bola sepak di negara ini.

“Kita perlu memperkenalkan pembangunan bola sepak di peringkat awal lagi. Sementara itu, penyediaan fasiliti-fasiliti untuk menampung program bola sepak di peringkat akar umbi sehingga ke peringkat kebangsaan”.

Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Zainin



## SEJENAK BERSAMA PENGIRAN JAMILAH BINTI PENGIRAN HAJI ZAININ

*Dari M/S 5*

### Strategi implementasi

"Kita perlu membangunkan pemain yang sistematik yang bermula dari peringkat akar umbi seterusnya menggilap bakat mereka sehingga menjadi aset terbaik negara".

Kursus-kursus kepada yang berkepentingan dalam bola sepak sangat penting terutamanya kepada jurulatih-jurulatih dalam menaikkan taraf dan memahirkan lagi tentang aspek kejurulatihan bola sepak dengan mendapat bimbingan oleh instruktur atau jurulatih pakar.

Sementara itu, kemahiran teknikal dan bimbingan kejurulatihan yang mantap akan membantu meningkatkan lagi kebolehan pasaran pada liga tempatan dan ke peringkat antarabangsa.

### Cabaran

"Kita perlu memperkenalkan pembangunan bola sepak di peringkat awal lagi. Sementara itu, penyediaan fasiliti-fasiliti untuk menampung program bola sepak diperingkat akar umbi sehingga ke peringkat kebangsaan".

Jurulatih-jurulatih yang berkemahiran sangat penting sebagai langkah membentuk pasukan bola sepak di negara ini untuk menampah kejayaan.

### Saranan dan harapan

"Saya sangat yakin semua ahli Exco akan sama-sama berperanan dalam menarajui, menggalas tugas dengan tanggungjawab serta berganding bahu berusaha dengan ikhlas, komited dan professional dalam urus tadbir yang efisien dalam usaha kita membawa FABD ke mercu kejayaan".

“  
kemahiran teknikal dan bimbingan  
jurulatihan yang mantap akan membantu  
meningkatkan lagi kebolehan pasaran  
pada liga tempatan dan ke peringkat  
antarabangsa.  
Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Zainin  
”



“  
"Kita perlu membangunkan  
pemain yang sistematik yang  
bermula dari peringkat akar  
umbi seterusnya menggilap  
bakat mereka sehingga  
menjadi aset terbaik negara".  
Pengiran Jamilah binti  
Pengiran Haji Zainin  
”



## KONGSI PERKEMBANGAN FABD DI QATAR

**Presiden** FABD, Feisal Eusoff mengadakan perbincangan dan berkongsi pandangan dengan rakan-rakan sejawat dalam Pertubuhan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) semasa berada di Doha, Qatar.

Beliau berada di sini adalah sebagai jemputan rasmi daripada AFC sempena perlawanan peringkat akhir kejohanan Bola Sepak Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) Qatar 2023 pada 4 sehingga 11 Februari 2024.

Presiden FABD berkesempatan mengadakan perjumpaan bersama Presiden Pertubuhan Persekutuan Jepun (JFA) Kozo Tashima di Stadium Ahmad bin Ali sebelum menyaksikan perlawanan peringkat separuh akhir Piala Asian AFC Qatar 2023 perlawanan Jordan bertemu Republik Korea.

Sementara itu, Presiden FABD juga mengadakan perbincangan dan berkongsi idea bersama perwakilan FIFA yang beribu pejabat di Qatar, Tuan Lavin Vignesh J.

Semasa perjumpaan, Presiden FABD berkongsi maklumat mengenai perkembangan Bola Sepak di Negara Brunei Darussalam dan berbincang mengenai program-program FABD, peruntukan, prasarana di samping kejohanan bola sepak peringkat akar umbi (Grassroot) dan bola sepak wanita.

Perjumpaan yang berlangsung di Ibu Pejabat FIFA Qatar turut di sertai oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Zainin dan Dayang Juliyani binti Haji Mohammad.

Sementara itu, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Qatar, Tuan Yang Terutama Haji Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar telah menerima kunjungan Presiden FABD, Feisal Eusoff di Pejabat Kedutaan berkenaan di Doha, Qatar.

Semasa perjumpaan, Presiden telah memberi maklumat mengenai perkembangan FABD dan situasi bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Presiden juga menyampaikan hasrat bagi memohon kerjasama pihak Kedutaan Brunei Darussalam dalam menyokong hasrat FABD dalam mengembangukan dan kerjasama diantara persatuan Bolasepak FABD dan Qatar amnya.





66

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berangkat menyaksikan perlawanan persahabatan di antara pasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertemu dengan pasukan BSL All Stars di Padang dan Belapan, Berakas.

## PASUKAN KEBANGSAAN PERLU TINGKATKAN USAHA

**Pasukan** bola sepak kebangsaan mendapat saingan menarik semasa bertemu dengan pasukan BSL All Stars sekalipun tewas menerusi sepakan penalti dengan kedudukan 2-4 pada Perlawanan Persahabatan, di Padang dan Belapan, Berakas, 26 Februari 2024.

Kedua-kedua pasukan berjaya menampilkan permainan yang mantap dengan gerakan-gerakan pantas untuk menguji lawan masing-masing.

Namun, kesemua peluang terhidang yang dicipta dari kedua buah pasukan bagaimanapun gagal mengegarkan gawang sekalipun mengeret perlawanan ke masa tambahan.

Pasukan BSL All Stars lebih cemerlang tampil memenangi perlawanan selepas kesemua pemainnya berjaya merembat sepakan penalti yang menerjah gawang dan skuad Kebangsaan hampa setelah dua rembatan yang gagal menewaskan penjaga gol BSL All Stars untuk kedudukan muktamat 4-2.

"Pemain-pemain menampilkan bermain dengan baik dan berjaya mencipta banyak peluang namun bukan nasib mereka untuk meraih kemenangan", jelas ketua jurulatih pasukan Bola Sepak Kebangsaan, Mario Rivera Campesino.



Beliau turut memuji kesungguhan dan aksi menarik pasukan lawan yang juga dibarisi dengan empat tonggak pemain luar negara yang membantu mengukuhkan jentera penting pasukan itu.

"Kita akan terus berusaha memantapkan pasukan dan mengambil pengajaran dari kesilapan-kesilapan

Lihat M/S 9





*Dari M/S 8*

### PASUKAN KEBANGSAAN PERLU TINGKATKAN USAHA



"Kita ada banyak ruang untuk memperbaikinya terutama dengan mengadakan lebih banyak perlawanan-perlawanan persahabatan dimasa akan datang", jelas ketua jurulatih.

Pasukan BSL ALL Star berjaya memperolehi hadiah \$1.500 yang di sampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat HiTune, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Sementara itu, empat pemenang pertandingan acara sampingan waktu rehat - Menimang Bola telah menerima hadiah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim Ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Persahabatan yang mendapat tarikan ramai penonton.

Perlawanan yang merupakan salah satu siri persiapan pasukan bola sepak kebangsaan, juga untuk memeriahkan lagi sambutan perayaan ulang tahun ke-40 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan dianjurkan oleh FABD.





### AKSI MENARIK PERLAWANAN PASUKAN KEBANGSAAN BERTEMU BSL ALL STARS





WE ARE CONNECTING TO  
**NOT** ONLY OUR BRUNEIAN  
FOOTBALL FANS, BUT ...



## RISALAH RASMI - FABD MOVING FORWARD WADAH RAPATKAN HUBUNGAN

**Penerbitan** risalah rasmi - FABD MOVING FORWARD adalah selaras dengan matlamat FABD secara berterusan untuk berkongsi maklumat dan hala tuju yang tepat kepada orang ramai mengenai senario semasa perkembangan dan aktiviti bola sepak di Negara Brunei Darussalam

Penerbitan sulung risalah rasmi FABD telah dirasmikan oleh Presiden FABD, Feisal Eusoff pada 21 Februari 2024, di FABD House.

Semasa berucap diperasmian itu, Presiden FABD berkata risalah rasmi **FABD Moving Forward** akan menghubungkan peminat bola sepak tempatan dan antarabangsa serta usaha untuk menjadikan sukan bola sepak sebagai satu sumber kebanggaan negara dan simbol kejayaan FABD.

Risalah rasmi FABD diterbitkan dalam format digital bahasa Melayu bagi peminat tempatan dan bahasa Inggeris bagi penggemar bola sepak global.

Sebagai saluran komunikasi yang mustahak, Versi bahasa Inggeris berkenaan juga akan diedarkan kepada FIFA, AFC, AFF serta 211 ahli persatuan bola sepak kebangsaan dalam keluarga FIFA.

Feisal Eusoff berkata risalah itu adalah selaras dengan Pelan Strategik FABD dan berharap komuniti bola sepak akan menerimanya dengan penuh semangat serta menyediakan maklum balas positif untuk menyokongnya.

Mengulas mengenai tajuk risalah rasmi berkenaan, Haji Feisal menyatakan ia mencerminkan dinamisme dan mengajak semua pihak untuk bergerak ke hadapan bersama dan berganding bahu mencapai matlamat tersebut.

Risalah berkenaan menyediakan maklumat mengenai bola sepak negara kepada rakan-rakan sejawat FIFA dengan mengemaskinikan perkembangan terkini dalam bola sepak Brunei.

*Lihat M/S 12*



*Dri M/S 11*

## RISALAH RASMI - 'FABD MOVING FORWARD' WADAH RAPATKAN HUBUNGAN





## KONGRES LUAR BIASA FABD 2024

**Kongres** Luar Biasa FABD merupakan momentum penting bagi FABD dan seluruh komuniti bola sepak Negara Brunei Darussalam.

Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif bagi sesi 2024-2028 telah berjaya dilaksanakan pada 16 Disember 2023, dengan menyaksikan peralihan Presiden, Timbalan Presiden dan ahli Exco, namun cabaran yang ketara masih wujud dalam mendapatkan pembiayaan daripada FIFA.

Walau bagaimanapun, dengan kelulusan sebulat suara akaun 2022 yang dikemaskini oleh Ahli Kongres yang layak mengundi, terdapat optimisme mengenai langkah ke depan. Akaun ini telah dikemukakan dengan teliti kepada prinsipal auditor FABD, Deloitte dan Touche di Singapura untuk pengesahan. Ini akan membuka jalan untuk penghantaran seterusnya kepada AFC. Pelepasan pembiayaan FIFA bergantung pada langkah penting ini.

FABD melahirkan terima kasih kepada AFC dan FIFA atas janji mereka untuk memberi sokongan kewangan, namun disedari bahawa proses ini mungkin mengambil masa untuk direalisasikan sepenuhnya. Dalam tempoh itu, FABD tetap komited untuk menegakkan prinsip-prinsip Cekap, Amanah, Bersih (CAB) – berusaha untuk kecekapan, kebolehpercayaan, dan kejujuran untuk mengelakkan komplikasi kewangan yang lebih lanjut.

Presiden FABD, Feisal Eusoff mengariskan perkara itu pada Kongres Luar Biasa FABD 2024 yang berlangsung di Hotel Mulia, Berakas pada 17 Februari 2024.

Kongres berkenaan telah dihadiri oleh perwakilan daripada Persatuan-Persatuan Bola Sepak Daerah-Daerah, perwakilan daripada kelab-kelab bola sepak dan futsal. Sementara itu Pegawai Rasmi dari AFC, Siti Zuraina dan Nhodkeo Phawadee dan Setiausaha Agung AFF, Winston Lee juga hadir menyaksikan kongres yang dijalankan mengikut Statut FABD

*Lihat M/S 14*



## KONGRES LUAR BIASA FABD 2024

Dari M/S 13





“ FABD melahirkan terima kasih kepada AFC dan FIFA atas janji mereka untuk memberi sokongan kewangan, namun disedari bahawa proses ini mungkin mengambil masa untuk direalisasikan sepenuhnya. ”

Lihat M/S 15



**KONGRES LUAR BIASA FABD 2024**





## KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN PENTING BANTU FABD BERGERAK KE HADAPAN

**Persatuan** Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) terus mempergiatkan langkah dan memperkemaskan usaha untuk merealisasikan hasrat bagi merubah landskap bola sepak di negara Brunei Darussalam.

Usaha itu meliputi mencari sokongan dan kerjasama padu disemua sektor yang berkepentingan dengan persatuan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh telah menerima kunjungan hormat Presiden FABD, Feisal Eusoff bersama rombongan di Kementerian berkenaan pada 21 Februari, lalu.

Presiden FABD berkata jalinan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan sangat penting dalam membantu FABD bergerak ke hadapan khususnya sokongan tenaga manusia dan kebenaran penggunaan prasarana seperti padang dan dewan bagi latihan dan perlawanan bola sepak dan Futsal.

"Jika ia mendapat kebenaran, FABD berhasrat akan berkerjasama bagi memulihara padang-padang yang digunakan oleh kelab-kelab bola sepak dengan menggunakan peruntukan FABD", jelasnya.

Sementara itu, FABD memohon kerjasama kepada pihak kementerian untuk mendapatkan data pelajar-pelajar lelaki yang berusia diantara 9 sehingga 12 tahun yang kurang berkemampuan dari segi pendapatan keluarga untuk dibantu pembiayaannya oleh FABD bagi menyertai program bolasepak 'Grassroot'.



FABD juga memohon kebenaran kelonggaran cuti bersekolah bagi pelajar-pelajar berusia 20 tahun Kebawah yang terpilih mewakili skuad negara.

"Majlis Perjumpaan itu juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin: Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul. Rahman: Pengarah Pendidikan Kokurikulum (Pendidikan Teras) dan Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Sukardi

Sementara rombongan FABD telah disertai oleh Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni, Pemangku Setiausaha Agung (FABD), Awang Ahmad Za'eem Omarali dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin.







## KKBS BERI SOKONGAN FABD TERAJUI PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA

**Kementerian** Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) akan memberi sokongan penuh kepada Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (FABD) dalam semua aspek pembangunan bola sepak di negara ini.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri KKBS, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa menerima kunjungan hormat oleh Presiden FABD, Feisal Eusoff yang berlangsung di Kementerian berkenaan, pada petang hari Selasa 13 Februari 2024.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan percaya Presiden dan Timbalan Presiden yang baru dilantik itu akan dapat menarajui FABD dengan penuh wibawa dan berjaya.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri KKBS melahirkan ucapan tahniah atas lantikan dalam pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden bagi sesi 2024-2028.

Sementara itu, Presiden FABD pula meminta sokongan padu dari pihak KKBS dalam sama-sama mengembang dan memajukan lagi bola sepak di negara ini.

Kunjungan berkenaan merupakan salah satu langkah FABD untuk mengukuhkan sokongan dari KKBS di samping mencari peluang-peluang baru dalam usaha merubah landskap bola sepak negara di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap KKBS (Kesukanan), Pengiran Mohd Amirizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pengarah Belia dan Sukan, Umi Kalthum bin Haji Abdul Karim; Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni dan Pemangku Setiausaha Agung FABD, Ahmad Za'eem bin Omarali.





### KASUKA AR-RAWDA JUARA CABARAN FUTSAL HITUNE 2024

**Kejohanan** HiTune Futsal Challenge 2024 dilihat menjadi contoh kepada sektor swasta yang lain untuk tampil ke hadapan dalam menyokong dan berkerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Brunei (FABD) untuk memajukan sukan bola sepak di negara ini.

Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni berkata FABD sentiasa menyokong usaha-usaha positif yang dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan mutu bola sepak negara.

Sumbangan dalam pengendalian sebarang kejohanan bola sepak sangat dihargai sekaligus membuktikan keazaman mereka untuk mahu melihat prestasi bola sepak negara terus berkembang dan menyeru penganjur-penganjur kejohanan bolasepak dan futsal akan dapat berunding dan bekerjasama dengan FABD untuk kelangsungan kejohanan yang berkualiti" jelasnya pada perlawanan akhir HiTUNE Futsal Challenge 2024 di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas pada 4 Februari 2024.



Terdahulu dari itu, Timbalan Presiden FABD telah merasmikan pelancaran logo rasmi kejohanan Hitune Futsal Challenge.

Pasukan Kasuka Ar-Rawda telah menjuarai kejohanan selepas menewaskan pasukan Perwira Alpha dan pasukan Brunei 88 ditempat ke Tiga.

Sebanyak 24 pasukan telah menyertai kejohanan dengan dibahagikan kepada 4 kumpulan dan dua pasukan teratas mewakili kumpulan mara ke peringkat separuh akhir.

Juara membawa pulang hadiah BND 1,000 bersama pingat dan sijil. Naib juara memenangi hadiah BND600 berserta pingat dan sijil sementara pasukan Ketiga mengondol hadiah BND400, pingat dan sijil.



# RISALAH RASMI FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM

Dari M/S x

## KASUKA AR-RAWDA JUARA CABARAN FUTSAL HITUNE 2024





### BDSFL 2024 GILAP POTENSI PELAJAR DALAM BOLA SEPAK

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Bolasepak Brunei Darussalam (FABD) telah mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSFL) 2024 bagi para pelajar dari sekolah-sekolah menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada 25 Februari 2024.

Kejohanan ini berlangsung pada setiap hari Isnin dan Rabu mulai pada 26 Februari 2024 hingga 5 Jun 2024 di dua lokasi iaitu Padang FABD dan Padang Kompleks Sukan Tutong. Seramai 160 orang pelajar dari 8 buah sekolah iaitu pasukan yang telah berjaya menjadi juara dalam kumpulan di peringkat kelayakan pada tahun 2023 yang lalu akan menyertai Kejohanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSFL).



Lihat M/S 21



*Dari M/S 20*

## BDSFL 2024 GILAP POTENSI PELAJAR DALAM BOLA SEPAK



Antara tujuan kejohanan diadakan adalah untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola Sepak untuk mewakili Pasukan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu ia bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua lapisan peringkat umur.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi merasmikan Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 yang diadakan di Padang FABD ialah Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat, Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.



“

*Kejohanan bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua lapisan peringkat umur*

”



### JURULATIH PERLU LAKUKAN PERANCANGAN RAPI

Presiden FABD, Feisal Eusoff menekankan semua jurulatih pasukan kebangsaan perlu lebih gigh bagi memastikan pasukan bola sepak negara berupaya melangkah lebih jauh dengan mencapai kemajuan dan kejayaan.

Beliau mengariskan perkara itu pada sesi perjumpaan Presiden FABD dengan Jurulatih-Jurulatih bola sepak tempatan yang mempunyai Sijil kejurulatihan kelas 'A' yang berlangsung di kediaman Presiden FABD pada 3 Februari lalu.

Sesi berkenaan memberi peluang terbaik kepada dua belah pihak untuk bertukar pandangan, berkongsi idea, objektif dan aspek yang bersangkutan dengan kejurulatihan.

Ketika ini seramai 21 orang jurulatih memegang lesen 'A', lesen 'B' seramai 38 orang dan lebih 140 jurulatih berjaya memperolehi lesen 'C'.

Perjumpaan berkenaan merupakan inisiatif positif oleh Presiden FABD untuk menyuntik pergerakan dan perancangan semua jurulatih untuk terus pro aktif dalam membentuk pasukan dalam semua peringkat umur.





### TAHLIL DI MAKAM KUBAH DIRAJA

**Persatuan** Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kubah Makam Di Raja, Jalan Tutong pada 19 Februari 2024.

Presiden FABD, Feisal Eusoff mengetuai rombongan yang juga disertai oleh Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni.



Juga menyertai majlis ialah ahli-ahli Kehormat FABD, ahli-ahli exco FABD, kakitangan FABD dan perwakilan daripada kelab-kelab bola sepak di negara ini.


Bacaan Surah Al-Fatihah yang di ikuti bacaan Surah Yaa Siin dan doa tahlil telah dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Pusat Ilmu Teras, Universiti Kolej Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Ustaz Mohammed Haji Noor bin Haji Ibrahim,

Majlis ini merupakan kegiatan keagamaan yang dikendalikan FABD yang diselajurkan bagi menyemarakkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 40 tahun.





**LIGA BELIA BRUNEI B-15 (BYL U-15) 2023/2024**



Pasukan DPMM FC akan bertemu dengan pasukan Kasuka FC pada perlawanan akhir kejohanan Liga Belia Brunei Bawah 15 Tahun (Brunei Youth League U-15) edisi 2023/24 yang akan berlangsung di Padang A FABD, 1 Mac. 2024.

Pada separuh akhir pasukan DPMM FC telah berjaya menewaskan pasukan Panchor Murai FC dengan jaringan 2-0 sementara pasukan pasukan Kasuka FC memastikan bejaya mara ke final selepas mengalahkan pasukan BSRC FC dengan kedudukan 2-0.

Kejohanan yang menampilkan format kalah mati itu telah disertai oleh 12 pasukan termasuk pasukan AKSE Bersatu, Wasan FC, DPMM FC, PBDB, TAFA, Panchor Murai FC, BSRC FC, Indera FC, Kasuka FC, Sekolah Sukan, Dash FA dan Projek Ikan Pusu.





# RISALAH RASMI FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM




LIGA BELIA BRUNEI U-20 2023/2024



Kejohanan Liga Belia Brunei Bawah 20 (BYL U-20) edisi 2023/2024 kini sudah melangkah ke pusingan separuh akhir. Pasukan Kasuka FC akan menguji pasukan IKLS MBS FC untuk merebut slot mara ke final.

Sementara itu, Pasukan Panchor Murai FC akan berdepan dengan pasukan DPMM FC dan pasukan Wasan FC akan berlawanan dengan pasukan KB FC pada peringkat suku akhir. Pemenang kedua perlawanan itu akan mara ke separuh akhir pada 8hb Mac 2024.

BYL Bawah-20 telah disertai oleh 15 buah pasukan termasuk DPMM FC, IKLS-MBS FC, Dash Junior FC, Panchor Murai FC, MSB United FC, FC Phosphor, Lun Bawang FC, Wasan FC, Akse Bersatu, Setia Perdana, Wijaya FC, Rimba Star FC, Kasuka FC, Indera SC dan KB FC





## HARI KEBANGSAAN YANG KE-40



**BERSATU  
 MENCAPAI  
 CITA NEGARA**

**BRUNEI DARUSSALAM**

**13 Syabaan 1445H | 23 Februari 2024**

Slogan rasmi sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-40 2024: **BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA**, mempunyai erti yang lebih bermakna bagi kami di FABD.

Semuanya memerlukan kerjasama di antara FABD dengan pihak berkepentingan di dalam negeri, serantau, dan antarabangsa termasuk AFF, AFC, FIFA, dan semua 211 ahli persatuan dan keluarga FIFA menjurus kepada kerjasama, saling menyokong dan membantu dalam arena bola sepak atau futsal.

**MARILAH KITANI BERGANDING BAHU UNTUK MENGERAK BOLASEPAK NEGARA KE HADAPAN.**



FOOTBALL ASSOCIATION *of*  
 BRUNEI DARUSSALAM

FEBRUARI 2024

**RISALAH RASMI**  
FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



*Marhaban Ya*  
**RAMADHAN**

**SELAMAT MENUNAIKAN  
IBADAH PUASA**

2024M 1445H



FOOTBALL ASSOCIATION *of*  
BRUNEI DARUSSALAM



# BOLEH LAYARI ISSU

## SILA HUBUNGI FABD

Risalah rasmi FABD akan memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi pandangan membina dan pertanyaan mengenai FABD dan Bola Sepak Brunei.

Anda boleh menghubungi kami melalui saluran seperti:

e-mel :  
 FABDNEWSLETTER@GMAIL.COM

Sila berikan kami nombor kad pengenalan, alamat, dan nombor telefon bimbit anda untuk memudahkan kami menghubungi anda

Terima kasih



**IMBAS SINI**

FABD ISSU

## SIDANG REDAKSI

**Presiden :** Feisal Eusoff

**Timbalan Presiden / Editor 1 :**  
 Haji Mahrub Bin Haji Murni  
 (Media dan Perhubungan)

**Editor 2 / Fotografi :**  
 Samle Jait

**Designer :**  
 Hajah Nooranisah Haji Idris



**FOOTBALL ASSOCIATION** *of*  
**BRUNEI DARUSSALAM**